

CNS0673

R GB 12-09 00169 BA044

bah

KERAJAAN TIDAK CADANG HAD AHLI POLITIK DALAM KOPERASI

Mahathir - Politik

KUALA LUMPUR, 12 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan tidak bercadang menghadkan penyertaan ahli politik dalam pergerakan koperasi di negara ini.

Bagaimanapun, beliau mengingatkan mereka supaya jangan menggunakan koperasi untuk kepentingan politik masing-masing.

+Kita cuma boleh memberi nasihat kerana kita tidak ada undang-undang (untuk menyekat penyertaan ahli politik dalam koperasi),+ katanya ketika ditanya pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung perwakilan tahunan ke-12 Koperasi Usaha Bersatu (KUB) di Dewan Muktamar, Pusat Islam, di sini hari ini.

Katanya, terpulanglah kepada anggota koperasi untuk menilai ahli politik yang berada di dalam pergerakan mereka kerana sekiranya ahli politik itu dibiarkan mencampur aduk perniagaan dan politik, koperasi itu sendiri yang akan rugi.

Menurut Dr Mahathir, adalah tidak menjadi satu kesalahan bagi ahli politik melibatkan diri secara aktif di dalam pergerakan koperasi di negara ini asalkan koperasi itu tidak digunakan untuk menjatuhkan ahli politik lain. -- Lagi

▼12/09/15-29MST

CNS0674

R GB 12-09 00129 BA045

bah

Mahathir - Politik 2 Kuala Lumpur

Sebaliknya, kata beliau, ahli politik yang menganggotainya hendaklah memberi segala sokongan kepada kegiatan ekonomi yang boleh menguntungkan koperasi tersebut.

+Koperasi boleh berjaya dan gagal kerana pengaruh politik,+ kata Perdana Menteri.

Mengenai penglibatan koperasi di negara ini di dalam pelbagai bidang perniagaan, Dr Mahathir berkata, pergerakan itu hendaklah juga menukar budayanya daripada sekadar budaya sebuah koperasi kepada budaya korporat.

Katanya, sekiranya koperasi-koperasi itu terus inginkan keistimewaan yang ada pada sesebuah koperasi sedangkan kegiatan mereka bercanggah dengan prinsip asal koperasi, untuk kepentingan anggota bukan keuntungan besar, maka ia akan menemui kegagalan.

Dalam hal ini, kata beliau, kegagalan kebanyakan koperasi yang bergiat dalam perniagaan ialah pengurusannya tidak begitu betul dan kadang-kadang tidak beramanah. -- Lagi

▼12/09/15-31MST

CNS0675

R GB 12-09 00172 BA046

bah

Mahathir - Politik 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Terdahulu itu, Pengerusi KUB, Encik Hassan Harun dalam ucapannya berkata, koperasi itu bercadang memasuki bidang eksport kereta Proton Saga ke negara-negara seperti China, Hong Kong, Macau, Taiwan, Kanada dan Afrika Selatan.

Katanya, untuk tujuan itu, KUB hanya menunggu kelulusan lembaga pengarahnya untuk menubuhkan syarikat usahasama dengan syarikat-syarikat yang telah dikenalpasti di negara-negara berkenaan termasuk syarikat yang memperkenalkan kereta nasional itu ke Britain.

Bagi menyertai ekuiti sebanyak 50 peratus dalam syarikat-syarikat itu kelak, KUB, katanya, hanya mengeluarkan modal yang kecil sahaja kerana rakan-rakan kongsinya di negara berkenaan akan menampung modal pokok dan KUB akan membayar balik modal itu melalui dividennya kelak.

Katanya, rakan kongsinya di negara-negara itu adalah syarikat-syarikat yang kukuh dengan kebanyakannya dimiliki oleh kerajaan atau disenaraikan di bursa-bursa saham negara masing-masing.

Menurut beliau, dalam masa lapan bulan kebelakangan ini, KUB sudah pun mengenalpasti beberapa bidang perniagaan untuk diceburi seperti pembangunan hartanah, pembinaan, perladangan, teknologi maklumat, minyak, gas, pelancongan, pendidikan dan latihan. -- Bernama.

▼12/09/15-33MST